

# KOMUNIS FAHAMAN KAFIR - KEPUTUSAN MUKTAMAR MASYUMI DI SURABAYA

“Pokok pertama bagi punca berbagai-bagai kesukaran yang kita sama-sama hadapi sekarang ini ialah berpangkal kepada sikap hidup yang berdasar rasa ujub takbur iaitu perasaan adanya kekuatan untuk menghadapi segala soal secara bersendirian sahaja, baik soal dalam negeri mahupun soal-soal luar negeri, dengan sedikit pun tidak mau mendengar apa lagi menghargai orang-orang dari golongan lain”, kata Tuan Muhammad Natsir Ketua Umum Masyumi di dalam Persidangan Penutup Muktamar Masyumi yang ketujuh yang diadakan di Surabaya baharu-baharu ini.

Memberi misalan dalam perkara ini dengan tertubuhnya Panitia Pemilihan Umum yang di dalamnya pihak pembangkang tidak diajak langsung – “Seakan-akan kita tidak masuk di dalam hitungan” katanya.

Tatkala menyebut tentang bagaimana Indonesia mendapat kemerdekaannya, ia berkata bahawa perjuangan kemerdekaan itu akan berlarut dan sukar benar jika tidak ada kurnia Tuhan yang berupa bantuan dari luar negeri.

Banyak benar negara-negara asing waktu itu berdiri di barisan hadapan untuk memberi bantuan kepada perjuangan kemerdekaan kita itu.

“Tetapi sifat-sifat untuk melupakan bantuan-bantuan tadi” – kata Muhammad Natsir, “Rupanya menyebabkan bahawa pada masa ini bangsa-bangsa yang tadinya mementing kita, satu demi satu membelakangi kita. Memang masih ada yang mempunyai perhatian kepada kita tetapi jumlahnya telah jauh berkurangan.”

## Keputusan-keputusan Yang Diambil

Di antara keputusan-keputusan yang besar yang diambil di dalam persidangan itu ialah bahawa Majlis Syura Masyumi menetapkan bahawa haram bagi seseorang Islam memeluk faham-faham Komunis dengan memberi alasan-alasan dan keterangan-keterangan yang nyata bahawa orang-orang pemeluk faham komunis itu kafir.

Juga pungutan zakat dalam bahagian gharaminnya dan fi sabil Allah boleh digunakan untuk pemilihan umum Masyumi kerana mengingat bahawa Masyumi berjuang adalah untuk melaksanakan hukum Allah dan ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan seseorang, masyarakat dan negara, serta jalan untuk mencapai tujuan itu hanya semata-mata dengan melalui

kemenangan di dalam pemilihan umum.

Mengenai soal mazhab maka keputusan diambil sebagai berikut:

1. Masyumi adalah tempat perjuangan siyasah umat Islam Indonesia dari segala aliran dan mazhab untuk mencapai terlaksananya ajaran Islam di dalam kehidupan perseorangan, masyarakat, negara Republik Indonesia menuju keredhaan Ilahi.

2. Masyumi dengan sepenuh-penuhnya menghomati mazhab-mazhab yang dianut oleh anggota-anggota biasa dan anggota-anggota istimewanya.

3. Pemimpin parti supaya memberi penjelasan kalau perlu dengan memanggil juru-juru penerangan parti dari daerah-daerah tentang sikap Masyumi terhadap mazhab-mazhab.

4. Parti Masyumi janganlah sampai mencampuri masalah khilafiyah yang dapat menyebabkan perpecahan umat Islam.

## Pegawai-pegawai Tahun Ini

Nama-nama yang tersebut ini telah dipilih menjadi ahli-ahli Dewan Pemimpin Masyumi bagi masa dua tahun yang akan datang iaitu:

Muhammad Natsir (Ketua Umum), Doktor Sukiman Wirio Sajoyo (Wakil Ketua Satu), Mr. Kasman Sipodimijo (Wakil Ketua Dua), dan anggota-anggota: Mr. Yusuf Wibisono, Mr. Muhammad Rom, Perawoto Mangkosesmito, Mr. Safruddin Perwira Negara, Mr. Burhanuddin Harahap. Nyonya Sonario Mangonposepito, Kiyai Haji Faqih Usman, Kiyai Haji Taufiq al-Rahman, Muhammad Sarjan, Doktor Abu Hanifah, Kiyai Isa Ansar dan Nyonya Hafni Abu Hanifah.